

Title: Sekolah Perlu Selamat

Publish on: Oct 30, 2013 @ 6:43

Metro Harian, 31 October 2013 |

NIOSH perkenal OSH pasti keselamatan di institusi pendidikan.

4m, m/s 56, 31/10/2013

Sekolah perlu selamat

NIOSH perkenal OSH pasti keselamatan di institusi pendidikan

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@mediaprima.com.my
Batu Pahat



**“OSH bagi memastikan sekolah terhindar daripada gejala menjejaskan kesihatan”
Lee Lam Thye**

LEE (dua dari kiri) memeriksa tiang gol di Kolej Vokasional Kluang.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memperkenalkan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di sekolah bagi mewujudkan kesedaran terhadap kepentingannya.

Pengerusinya Tan Sri Lee Lam Thye berkata, ia bagi menjadikan OSH sebagai budaya dalam pekerjaan dan memastikan sekolah adalah tempat yang selamat untuk melakukan sebarang aktiviti.

“NIOSH juga sudah mengeluarkan buku panduan program ini sebagai rujukan asas kepada pengurusan sekolah dalam menerapkan aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah.

“Mengikut Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, majikan perlu memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja mereka,” katanya pada sidang media selepas merasmikan program OSH Di Sekolah di Kolej Vokasional Kluang, di sini, semalam.

Beliau berkata, pelaksanaan program OSH adalah untuk memastikan supaya sekolah sebagai tempat selamat dan terhindar daripada gejala yang menjejaskan kesihatan.

“Tonggak utama pelaksanaan ini adalah untuk memastikan sesiapa saja yang berada di tempat kerja diawasi, dijaga keselamatan dan kesihatan mereka.

“Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan suasana tempat kerja yang selamat dan sihat, sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi pekerja serta sesiapa saja yang ada di sekolah,” katanya.

Menurutnya, NIOSH berharap pengurusan setiap sekolah dapat memberi perhatian terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja serta semua perkara yang berkaitan dengan OSH.